

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 30 July 2015 |

Ekonomi Bumiputera terus diperkasa: PM

» Langkah proaktif perkukuh kedudukan untuk bersaing di pasaran terbuka

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Agenda pemerikasaan ekonomi Bumiputera akan terus diangkat sebagai misi nasional, seiring pelaksanaan pelbagai program oleh kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Se-

ri Najib Razak, berkata kerajaan sentiasa proaktif dalam mengukuhkan kedudukan usahawan Bumiputera agar mampu bersaing secara kompetitif di pasaran terbuka dan global.

Pelaksanaan langkah itu bersandarkan kepada lima teras utama yang sedikit sebanyak telah mula menghasilkan kejayaan.

"Salah satu yang penting ialah pembangunan vendor Bumiputera yang terbukti berjaya melahirkan ramai usahawan.

Pastikan vendor berdikari

"Yang menjadi cabaran ialah bagaimana kita mahu bentuk supaya program berkenaan bukan sekadar melahirkan usahawan Bumiputera, tetapi juga memastikan vendor boleh berdikari dan bersaing da-

“
Yang menjadi cabaran ialah bagaimana kita mahu bentuk supaya program itu bukan sekadar melahirkan usahawan Bumiputera, tetapi juga memastikan vendor boleh berdikari dan bersaing dalam pasaran terbuka”

Najib Razak,
Perdana Menteri

lam pasaran terbuka dan global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Makan Malam Perdana Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIPBM) di sini, malam tadi.

Formula jangka panjang Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pengusaha Bumiputera bagi menghasilkan formula jangka panjang terbaik untuk meningkatkan kesinambungan usahawan Bumiputera.

Katanya, kerajaan berdepan dengan dilema untuk menghasilkan vendor dan usahawan yang mampu berdikari.

"Saya syorkan program vendor ada peringkat transisi dan fasa tertentu untuk menyediakan mereka sebelum melangkah keluar dan bersaing di pasaran terbuka.

"Apabila kita lihat mereka sudah mantap dan boleh berdikari, baru bersaing di pasaran terbuka dan ambil vendor baharu pula untuk dilatih," katanya.